



AGACIA LAND SDN BHD

200801024399 (825723-K)

Ruj. Kami :
Ruj. Tuan :
Tarikh : 20hb April 2026

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD
B-G-11, Greentown
Suria, Jalan Dato
Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

U/P : Pegawai Koridor Negeri

Tuan,

PER: PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PERTAPAKAN DAN PELAN BANGUNAN SECARA SERENTAK BAGI PINDAAN KEPADA CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR FASA 1 (BLOK A) SEBUAH BANGUNAN 18 TINGKAT YANG MENGANDUNGI :

BANGUNAN 1

- A) 5 UNIT VILLA**
- B) 601 UNIT JENIS 'SERVICE SUITES'**
- C) 7 UNIT PREMIS PERNIAGAAN**
- D) 1 UNIT RUANG PERNIAGAAN PELBAGAI GUNA (CADANGAN BARU)**
- E) KOLAM MANDI**
- F) GIMNASIUM**
- G) 1 UNIT TNB SUB-STATION**

BANGUNAN 2

- A) 4 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KERETA**
- B) 1 UNIT TNB SUB-STATION**

DAN 'SEWERAGE' STESEN PAM KUMBAHAN DAN 1 UNIT RUMAH SAMPAH DI ATAS HSD 184381, LOT PT 56307, MUKIM KAMPAR, DAERAH KAMPAR, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN AGACIA LAND SDN. BHD.

- Serahan Dokumen Lengkap Bagi Permohonan Kelulusan Izin Lalu

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini kami sertakan dokumen-dokumen / lampiran berkaitan untuk rujukan dan kelulusan pihak tuan:-

- i. Borang Kelulusan Izin Lalu (BKIL)
- ii. Lukisan Tapak (Pelan Skematik)
- iii. Peta Penandaan Lokasi
- iv. Gambar Lokasi

3. Mohon pihak tuan mengaturkan satu tarikh lawatan tapak bersama bagi menentukan serta meluluskan cadangan laluan yang dinyatakan seperti di atas.
4. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi pegawai kami **Cik Anis Nabilah** di talian **03-78039996** dan pada emel **anisnblh.agacialand@gmail.com** untuk keterangan lanjut.
5. Perhatian serta kerjasama pihak tuan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang Benar,



Naimah Binti Sulaiman
Pengarah

KELULUSAN IZIN LALU

Antara

PIHAK / SYARIKAT YANG DIPERIHALKAN
DALAM PERKARA 1, JADUAL PERTAMA
AGACIA LAND SDN BHD
(No. Syarikat 200801024399 (825723-K))

Dan

TENAGA NASIONAL BERHAD
(No. Syarikat 1999001009294 (200866-W))
[TNB]

PERJANJIAN IZINLALU
[menurut Seksyen 15(1) Akta Bekalan Elektrik 1990]

6

APRIL

2026

PERJANJIAN IZINLALU ini telah dibuat pada 1 haribulan April 2026

ANTARA

PIHAK / SYARIKAT sepertimana di **Perkara 1, Jadual Pertama** (selepas ini dirujuk sebagai “Tuan tanah”) (rujukan yang mana termasuk pewaris berhakmilik dan/atau pemegang serah hak), bagi satu pihak;

DAN

TENAGA NASIONAL BERHAD (No. Syarikat: 199001009294(200866-W)), sebuah syarikat awam berhad yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftarnya di Pejabat Setiausaha Syarikat, Tingkat 16, Tower A, TNB Platinum, No. 3, Jalan Bukit Pantai, Bangsar, 59100 Kuala Lumpur, (selepas ini dirujuk sebagai “TNB”) (rujukan yang mana turut termasuk pewaris berhakmilik dan/atau pemegang serah hak) bagi satu pihak yang lain.

Secara tersendiri dirujuk sebagai “Pihak” dan secara kolektif dirujuk sebagai “Pihak-pihak”.

BAHAWASANYA:

- (1) Tuan tanah adalah pemilik berdaftar bidang hartanah yang butir-butirnya diperihalkan dalam Perkara 2, Jadual Pertama kepada Perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai “Tanah tersebut”). Sesalinan hakmilik bagi Tanah tersebut dilampirkan disini sebagai Lampiran A.
- (2) TNB telah melaksanakan dan/atau sedang melaksanakan projek yang diperihalkan dalam Perkara 3, Jadual Pertama (selepas ini dirujuk sebagai “Projek tersebut”). Kerja-kerja tertentu dan/atau pemasangan Projek tersebut akan melalui atau dijangka akan melalui dan melibatkan sebahagian daripada Tanah tersebut sepertimana diperihalkan dalam Perkara 4, Jadual Pertama kepada Perjanjian ini, dan seperti yang ditanda pada pelan yang dilampirkan di sini sebagai Jadual Kedua kepada Perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai “Kawasan Izinlalu”).
- (3) TNB berhasrat untuk memasuki Tanah tersebut pada bila-bila masa yang munasabah apabila perlu untuk melaksanakan kerja-kerja berikut di dalam Kawasan Izinlalu, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) untuk memasang, meletakkan, menempatkan atau membawa di atas, dibawah atau melewati apa-apa pylon, tiang, talian bekalan, kabel, peralatan dan kesemua pemasangan lain yang perlu dan/atau papan-papan tanda dan jentera dan kelengkapan lain yang mungkin perlu atau wajar untuk tujuan pemasangan tersebut di bawah Projek tersebut di Kawasan Izinlalu dan mengambil apa-apa Tindakan yang perlu untuk menjadikan pemasangan tersebut selamat dan cekap; dan

- (ii) Pada bila-bila masa yang perlu, untuk menyenggara, meembaiki dan menaik taraf pemasangan tersebut di bawah Projek tersebut, dan dalam melaksanakannya menebang atau mencantas, pokok, membuang tumbuh-tumbuhan dan melakukan segala perkara yang lain yang perlu bagi maksud tersebut.

(selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Kerja-kerja”)

- (4) Atas permintaan TNB, Tuantanah telah bersetuju untuk memberikan TNB haklalu ke atas Tanah tersebut untuk menjalankan Kerja-kerja dan Pihak-pihak dengan itu berhasra untuk memasuki satu Perjanjian Izinlalu seperti yang diperuntukkan oleh Seksyen 15 Akta Bekalan Elektrik 1990 (selepas ini dirujuk sebagai “Akta”) mengikut dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam ini.

**SEKARANG DENGAN INI DIPERSETUJUI DI ANTARA PIHAK-PIHAK
SEPERTI BERIKUT:-**

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Definisi

Dalam Perjanjian ini, (melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain) perkataan dan ungkapan mempunyai erti yang berikut:

“Akta” bererti Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan/atau mana-mana peraturan yang dibuat dan/atau pindaan, tambahan, pengubahsuaian atau enakmen semula yang dibuat dari semasa ke semasa pada masa berkuatkuasa;

“Kawasan Izinlalu” bererti sebahagian daripada Tanah tersebut seperti yang diperihalkan dalam Perkara 4 Jadual Pertama Perjanjian ini, seperti yang ditanda pada lakaran-lakaran yang dilampirkan disini sebagai Jadual Kedua kepada Perjanjian ini;

“Kerja-kerja” bererti kemasukan TNB ke kawasan Tanah Tersebut:

- (i) untuk memasang, meletakkan, menempatkan atau membawa di atas, dibawah atau melewati apa-apa pylon, tiang, talian bekalan, kabel, peralatan dan kesemua pemasangan yang perlu yang lain

dan/atau papan-papan tanda dan jentera dan kelengkapan yang lain yang mungkin perlu atau wajar untuk tujuan pemasangan tersebut di bawah Projek tersebut di Kawasan Izinlalu dan mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk menjadikan pemasangan tersebut selamat dan cekap; dan

- (ii) pada bila-bila masa yang perlu, untuk menyenggara, membaiki dan menaik taraf pemasangan tersebut di bawah Projek tersebut, dan dalam melaksanakannya menebang atau mencantas, pokok, membuang tumbuh-tumbuhan dan melakukan segala perkara yang lain yang perlu bagi maksud tersebut.

“Perjanjian”	bererti Perjanjian Izinlalu ini, termasuk Jadual-jadual, sebagaimana yang dipinda, diubah atau ditambah dari semasa ke semasa;
“Projek”	bererti projek yang diperihalkan dalam Perkara 3 Jadual Pertama Perjanjian ini;
“Ringgit Malaysia” atau “RM”	bererti mata wang Malaysia yang sah;
“TNB”	bererti TENAGA NASIONAL BERHAD (No. Syarikat: 199001009294 (200866-W)) sebuah Syarikat awam yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai Alamat berdaftar di Pejabat Setiausaha Syarikat, Tingkat 16, Tower A, TNB Platinum, No. 3, Jalan Bukit Pantai, Bangsar, 59100 Kuala Lumpur, Malaysia, dan bagi tujuan Perjanjian ini, termasuk pekerja-pekerja, kakitangan, kontraktor, sub-kontraktor, wakil dan/atau ejen yang diberi kuasa;
“Tanah Tersebut”	bererti bidang tanah yang diperihalkan dalam Perkara 2 Jadual Pertama Perjanjian ini;
“Tarikh Akses”	bererti Tarikh pada mana Tuan tanah telah pertama kali memberi TNB kebenaran masuk Tanah tersebut seperti

yang disebut dalam Perkara 6, Jadual Pertama Perjanjian ini;

“Tarikh Efektif” bererti Tarikh Akses atau tarikh Perjanjian ini, yang mana yang lebih awal

“Tuan tanah” bererti pihak/Syarikat yang diperihalkan dalam Perkara 1 Jadual Pertama Perjanjian ini;

1.2 Tafsiran

Melainkan jika konteks atau peruntukan nyata Perjanjian ini memerlukan selainnya:

- (a) perkataan yang melambangkan bentuk tunggal hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya;
- (b) perkataan “Perjanjian ini”, “dengan ini”, “di sini”, “bersama ini” dan perkataan yang sama merujuk kepada Perjanjian ini secara keseluruhan dan bukan kepada mana-mana klausa, jadual atau bahagian Perjanjian ini;
- (c) “Klausa” atau “Jadual” adalah merujuk kepada Klausa dan Jadual di dalam Perjanjian ini;
- (d) perkataan “termasuk” hendaklah ditafsir dengan iringan “tanpa had” atau “tidak terhad kepada” samada perkataan-perkataan ini mengiringnya atau pun tidak;
- (e) sebarang rujukan kepada mana-mana undang-undang atau peruntukan undang-undang hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan yang telah dipinda, diubah atau digubal semula;
- (f) sebarang rujukan kepada “Perjanjian ini” atau mana-mana perjanjian atau dokumen hendaklah ditafsir sebagai rujukan kepada perjanjian atau dokumen seperti yang dipinda, diubah atau ditambah dan berkuatkuasa dari semasa ke semasa dan hendaklah termasuk rujukan kepada mana-mana dokumen yang meminda, mengubah atau menambahnya, atau dimeterai, dibuat atau diberikan menurut atau mengikut terma-termannya;
- (g) tajuk-tajuk adalah untuk kemudahan sahaja dan akan diketepikan dalam membina Perjanjian ini;
- (h) sebarang rujukan kepada mana-mana dokumen atau surat-surat lain akan termasuk pindaan dan gantiannya dan tambahan kepadanya;

- (i) rujukan kepada mana-mana pihak termasuk waris-waris dan penerima-penerima serahan yang dibenarkan dan pengganti-pengganti hakmilik;
- (j) rujukan kepada masa adalah kepada waktu Malaysia;
- (k) tiada peraturan pembinaan frasa boleh diaplikasikan sehingga boleh menjejaskan mana-mana Pihak atas dasar pihak yang lain terlibat dalam penyediaan Perjanjian ini;
- (l) jika Perjanjian ini merujuk kepada bilangan hari, rujukan tersebut adalah kepada hari dalam kalendar melainkan Hari-hari Bekerja ditetapkan;
- (m) dalam melaksanakan tugas dan kewajipan dalam Perjanjian ini, Pihak Yang Berkontrak mempunyai kewajipan suci hati secara tersirat;
- (n) Jadual-jadual adalah satu bahagian integral bagi Perjanjian ini; dan
- (o) “sebulan” adalah rujukan kepada jangkamasa bermula dari hari pertama dalam bulan dan berakhir pada hari yang sama dalam bulan seterusnya, melainkan jangkamasa berakhir pada bukan hari bekerja, maka ia akan berakhir pada hari bekerja yang berikutnya.

2. HAK IZINLALU

- 2.1 Sebagai balasan kepada jumlah yang dinyatakan dalam Perkara 5 Jadual Pertama, Tuan tanah sebagai pemilik berdaftar Tanah tersebut DENGAN INI MEMBERIKAN kepada TNB, pekerjaanya, kakitangannya, kontraktornya, sub-kontraknya, wakilnya dan/atau ejennya yang diberi kuasa olehnya untuk memasuki Tanah tersebut dan melaksanakan mana-mana Kerja-kerja di Kawasan Izinlalu.
- 2.2 Hak-hak yang dinyatakan atau dirujuk dalam Perjanjian ini dianggap sebagai perkara Perjanjian Izinlalu mengikut Seksyen 15 Akta tersebut.
- 2.3 Perjanjian Izinlalu ini akan mula berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya dari Tarikh Efektif.

3. WARANTI-WARANTI TUANTANAH

- 3.1 Tuan tanah dengan ini mengesyorkan dan memberi waranti, mengikut mana yang terpakai, kepada TNB seperti yang berikut:-
 - (a) Bahawa ia mempunyai kuasa penuh dan autoriti untuk memeterai dan terikat dengan Perjanjian ini dan melaksanakan haknya dan menjalankan kewajibannya di bawah dan bahawa kesemua Tindakan yang sewajarnya dan perlu telah diambil untuk memberi kuasa kepada pelaksanaan dan penguatkuasaan Perjanjian ini dan pelaksanaan haknya kewajibannya di bawahnya dan bahawa pelaksanaan dan pemberian Perjanjian ini tidak melebihi kuasa dan autoriti pihak-pihak yang diberikuasa;

- (b) Bahawa peruntukan-peruntukan dalam Perjanjian ini merupakan kewajiban-kewajiban undang-undang yang sah, berikat dan boleh dikuatkuasakan mengikut terma dan syarat Perjanjian ini;
- (c) Bahawa ia akan melaksanakan atau memastikan ia dilaksanakan kesemua dokumen-dokumen dan membuat atau memastikan kesemua tindakan dan perkara yang sewajarnya dibuat dan perlu untuk memberi kesan sepenuhnya kepada kesemua peruntukan dalam Perjanjian ini;
- (d) Bahawa sepanjang pengetahuan terbaiknya, pelaksanaan dan penyampaian Perjanjian ini atau apa-apa pelaksanaan yang ditetapkan dalamnya tidak melanggar atau bercanggah dengan mana-mana peruntukan dalam perjanjian dengan pihak ketiga, instrumen, keputusan undang-undang, perintah, lesen, permit atau persetujuan yang mengikatnya;
- (e) Bahawa sepanjang pengetahuan terbaiknya, tiada sebarang litigasi atau timbang tara atau prosiding pentadbiran atau tuntutan yang mana secara sendiri atau bergandingan dengan prosiding atau tindakan yang seumpamanya sama ada menimbulkan kesan buruk yang material kepada perniagaannya atau pelaksanaan kewajipannya di bawah Perjanjian ini dan sepanjang pengetahuan, maklumat dan kepercayaan terbaiknya, tiada sebarang litigasi atau timbang tara atau prosiding pentadbiran atau tuntutan yang diancam terhadap mana-mana daripada mereka atau terhadap asset-aset, harta benda dan perniagaannya; dan
- (f) Ia mengaku bahawa TNB memeterai Perjanjian ini berdasarkan kepada waranti-waranti tersebut.

4. KEWAJIPAN DAN AKUJANJI TUANTANAH

- 4.1 Tuan tanah dengan ini berakujanji dan bersetuju, mengikut mana yang terpakai, kepada TNB seperti yang berikut:-
 - (a) Bahawa hak-hak yang diberikan di bawah Perjanjian ini kepada TNB dan/atau kakitangannya, pekerjanya, kontraktornya, subkontraktornya, wakilnya dan/atau orang-orang yang diberi kuasa olehnya tanpa sebarang halangan atau gangguan dalam apa cara sekalipun.
 - (b) Bahawa ia menanggung rugi, melepaskan dan melindungi TNB secara mutlak daripada semua tuntutan, liability, tindakan, prosiding dan kos yang diakibatkan daripada sebarang proses undang-undang dan/atau remedi berkaitan dengan hak laluannya ke atas Tanah tersebut.
 - (c) Bahawa ia tidak akan membuat atau membenarkan berlaku sebarang tindakan, sama ada sementara atau kekal, yang boleh mengganggu atau menghalang atau dalam apa cara sekalipun menghalang atau memprejudis penguatkuasaan penuh dan bebas oleh TNB, hak-hak yang diberikan kepadanya oleh Tuan tanah di bawah Perjanjian ini.

- (d) Bahawa ia tidak akan membenarkan mana-mana bahagian Tanah tersebut untuk diubah disebabkan oleh mana-mana aktiviti atau pembangunan yang dijalankan di atasnya yang boleh menyebabkan atau menghalang TNB dan/atau kakitangannya, pekerjaanya, kontraktornya, subkontraktornya, wakilnya dan/atau orang-orang yang diberi kuasa olehnya daripada mendapat akses kepada Tanah tersebut.
- (e) Bahawa ia akan dengan segera memaklumkan TNB secara bertulis sekiranya ia berhasrat untuk memasuki apa-apa perjanjian untuk menjual, memajak, memindahmilik atau dalam apa cara sekalipun melupuskan Tanah tersebut atau menghasilkan suatu gadaian atau lien yang lai di atas Tanah tersebut, dan akan memaklumkan pihak ketiga yang bakal memperolehi kepentingan dalam Tanah tersebut mengenai kepentingan TNB dan memastikan bahawa sebarang perjanjian yang timbul melalui urusaniaga di atas pada setiap masa tertakluk kepada hak-hak TNB di bawah Perjanjian ini, dan jika gagal, Tuan tanah bersetuju untuk membenarkan TNB memasukkan kaveat persendirian ke atas Tanah tersebut
- (f) Bahawa ia akan dengan segera memaklumkan TNB secara bertulis sekiranya ia berhasrat untuk membangunkan Tanah tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada mendirikan bangunan dan struktur di atas Tanah tersebut, merobohkan bangunan dan struktur yang sedia ada di atas Tanah tersebut, dan akan pada setiap masa memastikan bahawa pembangunan tersebut tertakluk kepada hak-hak TNB di bawah Perjanjian ini. Sekiranya pembangunan yang dicadangkan memerlukan pergerakan, pengalihan atau pemindahan pemasangan TNB, Tuan tanah akan menanggung keseluruhan kos pergerakan, pengalihan atau pemindahan pemasangan tersebut dan sekiranya perlu menyediakan lokasi baru yang boleh diterima oleh TNB untuk pemasangan TNB tanpa sebarang kos kepada TNB.
- (g) Bahawa ia tidak akan melakukan atau membenarkan sebarang tindakan yang akan mengganggu hak-hak TNB di bawah Perjanjian ini atau menimbulkan tanggungan di pihak TNB kepada mana-mana pihak ketiga.
- (h) Bahawa atas permintaan TNB ia akan menyerahkan dokumen hakmilik daftaran Tanah tersebut kepada TNB dan memberi kerjasama yang sewajarnya kepada TNB untuk membolehkan TNB mematuhi Seksyen 15(2) Akta tersebut, yang memperuntukkan seperti berikut:-
- “Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, Pendaftar, apabila dikemukakan kepadanya salinan asal dan disimpan dengannya salinan terperaku bagi apa-apa perjanjian sedemikian yang disebut dalam subseksyen (1), hendaklah menyebabkan suatu nota mengenai kewujudan perjanjian izin lalu itu dibuat pada dokumen hakmilik daftaran yang berhubungan dengan tanah yang terlibat dengan perjanjian izin lalu itu.”*
- (i) Bahawa sekiranya keperluan di dalam klausa 4.1(h) di atas tidak dapat disempurnakan atas apa-apa alasan yang di luar kawalan Pihak-pihak,

Tuan tanah akan dalam apa keadaan sekalipun mengiktiraf hak izinlalu TNB ke atas Tanah tersebut dan hak-haknya kepadanya sepertimana diperuntukkan dan selaras dengan terma dan syarat Perjanjian ini.

- (j) Bahawa sekiranya pada bila-bila masa sewaktu Perjanjian ini berkuatkuasa pemasangan TNB atau mana-mana bahagian daripadanya rosak akibat sebarang kecuaiian atau kegagalan di pihak Tuan tanah dan telah menyebabkan kehilangan nyawa atau kerosakan harta benda pihak ketiga, Tuan tanah akan menanggung segala gantirugi dan perbelanjaan yang dialami oleh pihak ketiga tersebut dan memberi indemnity kepada TNB sepenuhnya terhadap semua tuntutan, tindakan guaman dan tindakan yang dibawa oleh pihak ketiga tersebut.

5. JAMINAN DAN AKUJANJI TNB

5.1 TNB dengan ini berakujanji dan bersetuju dengan Tuan tanah seperti berikut:-

- (a) TNB akan menggunakan Tanah tersebut bagi tujuan Projek, pemasangan dan Kerja-kerja;
- (b) Di atas permintaan Tuan tanah, TNB akan meremedi dan membaiki sebarang kerosakan kepada Tanah tersebut yang disebabkan oleh Kerja-kerja yang berlaku pada bila-bila masa sepanjang tempoh waktu Perjanjian ini.
- (c) Tertakluk kepada klausa 5.1(b), TNB akan membayar balik kepada Tuan tanah sebarang kos dan/atau perbelanjaan yang munasabah yang disebabkan oleh kerja pembaikan kepada Tanah tersebut, tertakluk kepada Tuan tanah membuktikan sepenuhnya bahawa kerosakan kepada Tanah tersebut disebabkan oleh TNB dan memajukan semua dokumen-dokumen sokongan kepada TNB untuk menyokong kos dan/atau perbelanjaan tersebut.

6. AKSES

Tuan tanah bersetuju memberi TNB akses sepenuhnya kepada Tanah tersebut dan Kawasan Izinlalu bermula dari Tarikh Efektif.

7. CUKAI DAN LEVI

Kecuali dinyatakan sebaliknya, Tuan tanah akan bertanggungjawab ke atas semua cukai semasa dan akan datang, duti, levi, dan caj sama yang lain termasuk apa-apa faedah dan penalti yang dikenakan, walaubagaimana cara sekalipun ianya diperuntukkan, yang timbul daripada atau berkaitan dengan jumlah yang berbayar di bawah Perjanjian ini yang dikenakan oleh undang-undang. Tuan tanah hendaklah memberi jaminan gantirugi kepada TNB terhadap pembayaran tersebut jika TNB dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat pembayaran berkenaan.

8. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 8.1 Pihak-pihak hendaklah secara suci hati menggunakan usaha dan tindakan terbaik mereka untuk menyelesaikan dengan kadar segera melalui perbincangan dan rundingan antara mereka apa-apa pertikaian yang mungkin timbul di bawah, daripada atau berkaitan dengan atau berhubung dengan Perjanjian ini. Melainkan secara nyata dipersetujui sebaliknya, perbincangan dan rundingan perlu diadakan di antara eksekutif/orang yang mempunyai kuasa untuk menyelesaikan pertikaian tersebut dan berada di peringkat pengurusan yang lebih tinggi daripada pihak yang terlibat secara terus dalam pertikaian tersebut.
- 8.2 Jika Pihak-pihak tidak berupaya untuk mencapai penyelesaian damai pertikaian tersebut dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas notis bertulis pertama oleh salah satu Pihak kepada pertikaian tersebut, Pihak-pihak bebas untuk merujuk pertikaian tersebut kepada mahkamah yang mempunyai bidangkuasa kompeten di Malaysia.
- 8.3 Tuan tanah mengakui bahawa kegunaan Tanah tersebut oleh TNB dan pemasangan tersebut adalah untuk tujuan awam dan bahawa kepentingan awam mengatasi kepentingan dirinya sendiri dan dengan itu ia tidak layak untuk menuntut sebarang injunksi atau apa-apa rief lain terhadap TNB yang boleh dalam apa cara sekalipun menghalang atau menahan TNB daripada akses kepada Tanah tersebut dan/atau pelaksanaan mana-mana Kerja-kerja Tersebut.

9. PERJANJIAN TIDAK BOLEH DIBATALKAN

- 9.1 Pihak-Pihak dengan ini bersetuju bahawa Perjanjian ini mengikat dan berkuatkuasa ke atas kepentingan Pihak-pihak dan kepada waris-waris, wasi-wasi, pengganti-pengganti hakmilik dan penerima serah hak yang dibenarkan masing-masing yang tidak boleh dibatalkan untuk apa-apa sebab langsung melainkan dipersetujui bersama secara bertulis oleh Pihak-pihak. Apa-apa persetujuan atau perjanjian di pihak dua atau lebih pihak-pihak kepada Perjanjian ini akan mengikat Pihak-pihak secara bersama dan berasingan.
- 9.2 Sebutan permulaan dan Jadual-jadual bersama ini hendaklah dimasukkan berdasarkan rujukan di sini dan hendaklah menjadi satu bahagian integral Perjanjian ini.
- 9.3 Sekiranya terdapat sebarang konflik atau pencanggahan di antara terma dan syarat seperti yang dinyatakan atau dirujuk di dalam mana-mana Jadual kepada Perjanjian ini dan mana-mana terma dan syarat yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini, terma dan syarat dalam Perjanjian ini hendaklah diutamakan bagi tujuan tafsiran dan penguatkuasaan Perjanjian ini.

10. KEBOLEHASINGAN

- 10.1 Apa-apa terma, syarat, pengataan, peruntukan, perjanjian atau akujanji dalam Perjanjian ini yang tidak sah dari segi undang-undang, tidak dibenarkan atau dan tidak boleh dikuatkuasakan akan menjadi idak efektif setakat ia tidak sah atau batal atau tidak dibenarkan atau dan tidak boleh dikuatkuasakan, tanpa membatalkan peruntukan-peruntukan yang lain. Ketidaksahan, kebatalan, ketidakbenaran atau ketidakkuatkuasaan tersebut tidak akan menjadikan tidak sah atau menjadikan salah dari segi undang-undang, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan apa-apa terma, syarat, pengataan, peruntukkan, perjanjian atau akujanji lain dalam Perjanjian ini.
- 10.2 Walau apa pun peruntukan di atas, Pihak-pihak akan berunding dengan suci hati supaya dapat bersetuju kepada terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk menggantikan klausa-klausa yang didapati batal atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam undang-undang.

11. PINDAAN

- 11.1 Adalah dengan ini secara nyata diisytiharkan oleh Pihak-pihak bahawa peruntukan dan terma Perjanjian ini boleh pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa diubah atau dipinda dengan persetujuan bersama Pihak-pihak melalui surat-menyurat atau cara bertulis lain yang Pihak-pihak bersetuju dari masa ke semasa. Pindaan dan perubahan tersebut akan dianggap telah dipinda atau diubah sedemikian dan akan dibaca dan ditafsirkan seolah-olah pindaan atau perubahan tersebut telah dimasukkan dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini pada masa pelaksanaannya.
- 11.2 Apa-apa pindaan, pengubahsuaian atau perubahan kepada Perjanjian ini tidak akan mengikat melainkan yang sama dibuat melalui instrumen bertulis yang ditandatangani oleh wakil-wakil yang diberi kuasa oleh Pihak-pihak dan dinyatakan untuk tujuan pindaan, pengubaisuaian atau perubahan tersebut.

12. NOTIS

- 12.1 Apa-apa notis, permintaan atau komunikasi yang perlu atau dibenarkan diberikan di bawah Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan boleh diserahkan kepada atau dihantar kepada nombor dan/atau alamat Pihak seperti dinyatakan di bawah atau ke nombor atau alamat yang mana-mana Pihak memaklumkan kepada Pihak satu lagi secara bertulis selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam klausa ini.

Untuk Tuan Tanah

Di alamat, nombor telefon dan/atau nombor faks (yang mana berkenaan) seperti yang dinyatakan dalam Perkara 1 Jadual Pertama kepada Perjanjian ini

Untuk TNB

Di alamat, nombor telefon dan/atau nombor faks (yang mana berkenaan) seperti yang dinyatakan dalam Perkara 7 Jadual Pertama kepada Perjanjian ini

- 12.2 Apa-apa notis, permintaan atau komunikasi yang diberikan akan dianggap telah diberikan, dibuat atau disampaikan:
- (i) jika dihantar dengan tangan, pada waktu penghantaran dan diakuterima;
 - (ii) jika dihantar melalui pos, lima (5) hari bekerja dari tarikh penghantaran;
 - (iii) jika dihantar melalui faks, serta-merta selepas penghantaran dibuktikan dengan percetakan rekod penghantaran, tertakluk kepada syarat bahawa jika penghantaran dibuat selepas 5.00pm hari penghantaran, ia akan dianggap telah disampaikan pada hari perniagaan berikutnya.

13. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA

Perjanjian ini akan ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pihak-pihak tanpa syarat merujuk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

14. JAMINAN LANJUT

Pihak-pihak berjanji dan bersetuju bahawa mereka akan dari masa ke semasa dan pada bila-bila masa menandatangani semuamen dan membuat semua perkara dan tindakan yang perlu untuk memenuhi dan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini.

15. PERJANJIAN BERSAMA

- 15.1 Dalam memasuki Perjanjian ini Pihak-pihak mengakui bahawa adalah tidak praktikal untuk membuat peruntukan bagi setiap kemungkinan yang mungkin timbul dalam proses melaksanakan Perjanjian ini dan oleh itu Pihak-pihak dengan ini mengisytiharkan bahawa ia adalah hasrat mereka bahawa Perjanjian ini beroperasi di antara mereka dengan adil dan ekuiti dan tanpa merugikan mana-mana Pihak.
- 15.2 Sekiranya dalam proses melaksanakan Perjanjian ini sesuatu ketidakadilan kepada mana-mana Pihak didedahkan atau dijangkakan, maka tindakan yang perlu dan sewajarnya untuk mengatasi sebab atau puncanya hendaklah diambil oleh Pihak-pihak.

16. KESETARAAN

- 16.1 Perjanjian ini boleh disempurnakan secara berasingan oleh Pihak-pihak, yang mana setiap satu yang disempurnakan itu hendaklah dianggap sebagai suatu yang asal dan kesemuanya apabila dibawa bersama akan dianggap sebagai satu perjanjian yang sama, dengan syarat bahawa Perjanjian ini tidak akan berkuatkuasa atau berkesan sehingga bahagian-bahagian perjanjian bertukar-tangan.

17. PELAKSANAAN

Apa-apa perkara yang perlu dilaksanakan disebabkan oleh pindaan atau perubahan yang dilakukan mengenai Perjanjian ini tetapi masih belum dilakukan, perlu dilakukan (setakat mana yang boleh) selaras dengan peruntukan Perjanjian ini atau secepat yang praktikal selepas tarikh Perjanjian ini.

18. MAKLUMAT SULIT

- 18.1 Kesemua perkara yang berhubung dengan Perjanjian ini adalah sulit antara Pihak-pihak dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana Pihak kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan bertulis Pihak satu lagi.
- 18.2 Tanggungjawab sulit yang terkandung dalam Klausula 18.1 tidak akan terpakai kepada maklumat:
- (a) yang telah menjadi pengetahuan umum melainkan melalui keingkaran mana-mana Pihak; atau
 - (b) untuk digunakan oleh mana-mana Pihak untuk melaksanakan terma dan obligasi Perjanjian ini ataupun telahpun berada dalam milikan Pihak tersebut sebelum rundingan dan termeterainya Perjanjian ini; atau
 - (c) berkenaan pendedahan yang mana dipersetujui oleh Pihak-pihak; atau
 - (d) yang sedia boleh diakses oleh orang awam atau didedahkan atau dimaklumkan selaras dengan perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten; atau
 - (e) yang perlu didedahkan oleh mana-mana Pihak menurut undang-undang yang berkaitan atau peraturan atau garis panduan mana-mana bursa saham di atas mana sahamnya atau saham anak syarikatnya disenaraikan atau akan disenaraikan.
- 18.3 Setiap Pihak akan terus mematuhi kewajipan-kewajipan ini sungguhpun berhenti menjadi Pihak kepada Perjanjian ini.

19. PEMROSESAN DATA PERIBADI

19.1 Pihak-pihak bersetuju untuk mematuhi dan mempunyai keupayaan yang memadai untuk memastikan pematuhan pada setiap masa dengan peruntukan dan kewajipan yang terkandung di dalam semua undang-undang dan peraturan di Malaysia, termasuk dan tidak terhad kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang subsidiarinya, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa bagi mengumpul, menggunakan, memproses, merekod, memegang, menyimpan, dan/atau mendedahkan (“Proses”) mana-mana dan semua maklumat yang berkaitan dengan mana-mana individu (“Data Peribadi”) bagi pelaksanaan obligasi Pihak-pihak di bawah Perjanjian ini.

19.2 Berhubung dengan apa-apa Data Peribadi kepada mana Pihak-pihak diberikan akses dan/atau Proses, Pihak-pihak hendaklah:

- (a) menggunakan Data Peribadi semata-mata untuk melaksanakan obligasinya di dalam Perjanjian ini;
- (b) tidak memindahkan atau mendedahkan Data Peribadi di luar Malaysia tanpa kebenaran, kuasa kelulusan bertulis terdahulu Pihak-pihak lain atau Pihak-pihak akan memastikan bahawa negara lain tersebut mesti mempunyai undang-undang melindungi data yang sekurang-kurangnya setaraf dengan kadar perlindungan yang diberikan oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (sekiranya ada);
- (c) melaksanakan langkah-langkah keselamatan dari segi teknikal dan organisasi yang memadai untuk melindungi Data Peribadi daripada apa-apa kehilangan, salah-gunaan, perubahan, akses yang tidak dibenarkan atau tidak disengajakan atau pendedahan, pemindaan atau pemusnahan;
- (d) mempunyai obligasi untuk memulangkan kesemua Data Peribadi yang diberikan oleh pihak-pihak lain di pengakhiran atau penamatan Perjanjian ini;
- (e) memberi bantuan yang secara munasabah diminta oleh pihak-pihak lain berkaitan dengan:
 - (i) memberikan apa-apa maklumat yang secara munasabah diminta oleh pihak-pihak lain; dan
 - (ii) memberikan pihak-pihak lain butir-butir lengkap mengenai permintaan tersebut.

Sekiranya berlaku keingkaran, pihak yang ingkar akan bertanggungjawab untuk dan akan menanggunggrugi (dan terus menanggunggrugi) terhadap setiap dan kesemua tindakan, prosiding, liabiliti, kos, tuntutan, kerugian, perbelanjaan (termasuk yuran guaman dan pengeluaran bayaran yang berpatutan atas dasar peguamcara – anakguaman) dan tuntutan yang dialami oleh pihak yang terkilang yang timbul secara terus atau berkaitan dengan cara memproses Data Peribadi pihak yang ingkar selaras dengan Perjanjian ini, termasuk tanpa had mana-mana yang berbangkit daripada mana-mana tuntutan pihak ketiga,

tuntutan atau tindakan, atau mana-mana pecah kontrak, kecuaiian, penipuan, salah-laku, keingkaran tanggungjawab statutori atau ketidak-patuhan dengan mana-mana bahagian Undnag-undang Perlindungan Data oleh pihak yang ingkar atau pekerjanya, ejennya atau wakilnya.

Tuan tanah telah membaca dan memahami Personal Data Protection Policy di <http://www.tnb.com.my/term-conditions/personal-data-protection-policy.html>.

20. SERAH HAK

Pihak-pihak tidak akan menyerahkan haknya atau obligasinya di bawah Perjanjian ini secara keseluruhan atau sebahagiannya kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan bertulis terdahulu Pihak satu lagi.

21. KOS DAN PERBELANJAAN

Setiap Pihak akan menanggung kos dan perbelanjaannya (termasuk yuran guaman dan duti setem) berkenaan dengan rundingan, penyediaan dan pelaksanaan Perjanjian ini.

22. BAHASA

Semua komunikasi antara Pihak-pihak yang berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

23. PENGENEPIAN HAK

23.1 Pengenepianhak kepada mana-mana keingkaran Perjanjian ini atau kepada mana-mana hak, kuasa, bidangkuasa, budibicara atau remedi yang berbangkit daripada apa-apa pelanggaran atau keingkaran di bawah Perjanjian ini mesti dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh atau bagi pihak yang membenarkan pengenepianhak tersebut. Pengetahuan dan/atau keakuratan oleh mana-mana Pihak mengenai atau dalam mana-mana keingkaran mana-mana syarat atau perjanjian dalam ini, tidak akan beroperasi sebagai dan tidak akan dianggap sebagai pengenepianhak syarat atau perjanjian sedemikian atau mana-mana daripadanya. Sungguhpun mengetahui atau akur mengenainya, mana-mana Pihak berhak untuk menguatkuasakan haknya di bawah Perjanjian ini dan menghendaki pematuhan tegas oleh Pihak satu lagi mengenai terma dan syarat Perjanjian ini.

23.2 Mana-mana pengenepianhak oleh mana-mana Pihak mengenai pelanggaran Perjanjian ini oleh Pihak satu lagi bukan merupakan duluan (*precedent*) kepada mana-mana pelanggaran oleh Pihak atau Pihak-pihak, yang mana berkenaan. Suatu hak, kuasa, bidangkuasa, budibicara atau remedi yang dihasilkan atau berbangkit daripada apa-apa pelanggaran atau keingkaran dibawah Perjanjian ini tidak diketepihakkan oleh mana-mana kegagalan atau kelewatan dalam penguatkuasaan atau separuh-penguatkuasaan hak, kuasa, bidangkuasa, budibicara atau remedi.

24. FORCE MAJEURE

- 24.1 Mana-mana Pihak-pihak tidak akan bertanggung dalam ap acara sekalipun kepada apa-apa kegagalan atau kelewatan melaksanakan kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini yang disebabkan secara terus atau tidak terus oleh apa-apa sebab atau kejadian yang diluar kawalan pihak tersebut, termasuk, tanpa had, bencana alam, kebakaran, banjir, rebut, gempa bumi, taufan, tsunami, wabak penyakit atau apa-apa epidemik yang lain, undang-undang, perintah, peraturan, hukuman atau sekatan kerajaan, peperangan, tindakan penganas, konflik bersenjata atau ancaman seriusnya, pergerakan hostiliti, kepungan, penahanan embargo, revolusi, rusuhan, rampasan harta, sekatan kerja, mogok atau pertikaian pekerja, ketiadaan pengangkutan atau keadaan ekonomi yang teruk.
- 24.2 Sekiranya satu Pihak menuntut relief atas alasan Force Majeure ke atas Pihak satu lagi, ia hendaklah:
- (i) dengan kadar segera yang praktikal memberi notis kepada Pihak satu lagi mengenai peristiwa atau keadaan yang didakwaanya merupakan force majeure, yang mana notis tersebut perlu mengandungi maklumat lengkap mengenai peristiwa atau keadaan tersebut dan menyatakan langkah-langkah serta jangkaan masa yang diperlukan untuk mengatasi kegagalan tersebut;
 - (ii) mengambil semua langkah praktikal yang wajar untuk memperbaiki peristiwa atau keadaan yang menyebabkan kegagalan tersebut dan untuk mengurangkan kerosakan atau kerugian dan yang seumpamanya; dan
 - (iii) memberi notis mengenai penyambungan semula pelaksanaan Perjanjian ini.
- 24.3 Pihak yang menuntut pelepasan dari melaksanakan Perjanjian ini dengan alasan Force Majeure, sepenuhnya atau sebahagiannya, akan dilepaskan dari tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini hanya setakat dan kejadian atau keadaan yang menjadi Force Majeure itu berterusan dan tanpa prasangka kepada pembayaran jumlah-jumlah wang yang mungkin diperlukan oleh Perjanjian ini.
- 24.4 Sekiranya peristiwa yang menjadi Keadaan Force Majeure itu berterusan untuk tempoh melebihi tiga (3) bulan tetapi kurang daripada enam (6) bulan, Pihak-pihak hendaklah berbincang antara satu sama lain berkenaan apa-apa langkah memperbaiki yang boleh diambil untuk mengatasi apa-apa kesusahan di atas kedua-dua Pihak.

25. HAK PELAKSANAAN SPESIFIK

Sekiranya berlaku pelanggaran kewajipan di bawah Perjanjian ini oleh mana-mana Pihak tanpa menghadkan hak atau remedi yang ada tangan Pihak satu lagi di bawah mana-mana undang-undang, Pihak satu lagi berhak, di atas pilihannya, kepada remedi pelaksanaan spesifik.

26. MASA

Masa di mana sahaja dinyatakan dalam Perjanjian ini adalah merupakan intipati kepada Perjanjian ini.

27. KESELURUHAN PERJANJIAN

Perjanjian ini dan apa-apa komunikasi bertulis di antara Pihak-pihak sebelum Perjanjian ini dimeterai yang mengandungi terma-terma lain yang telah dipersetujui oleh Pihak-pihak berkenaan perkara Perjanjian ini dan menggantikan dan membatalkan dalam semua keadaan semua representasi lisan, waranti, perjanjian dan akujanji terdahulu, sekiranya ada, yang dibuat antara Pihak-pihak di sini berkenaan perkara Perjanjian ini. Sekiranya terdapat percanggahan atau tidak konsisten antara terma-terma Perjanjian ini dengan apa-apa komunikasi bertulis antara Pihak-pihak sebelum Perjanjian ini, maka klausa-klausa dalam Perjanjian ini adalah terpakai.

28. PENGGANTI DALAM HAK MILIK

Perjanjian ini akan mengikat waris-waris, wakil-wakil peribadi, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pemegang serah hak dan penerima pemindahan dan penerima perletakhak yang dibenarkan.

(TAMAT KLAUSA-KLAUSA)

BAGI MENYAKSIKAN HAL-HAL DI ATAS Pihak-pihak di sini telah menandatangani Perjanjian ini pada dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

TUANTANAH

Ditandatangani oleh,

)
)
)
)



.....
Nama : NAIMAH BINTI SULAIMAN
No. K/P : 720705-02-5060
Jawatan : PENGARAH

Disaksikan oleh:


)
)
)
)



.....
Nama : LIYANA TAN
No. K/P : 850809-04-5424
Jawatan : PENGURUS

Cop Mohor Rasmi Tuantanah
Telah diletakkan di sini
Dalam kehadiran

)
)



.....
Pengarah

.....
Pengarah / Setiausaha

Ditandatangani oleh,

)
)
)
)

Untuk dan bagi pihak
TENAGA NASIONAL BERHAD

.....
Nama:
No. K/P:

Disaksikan oleh:

)
)
)
)

.....
Nama:
No. K/P:

JADUAL PERTAMA


Bil.	Perkara	Butir-butir
1	Tuan Tanah	Nama: Agacia Land Sdn. Bhd. Alamat: 3A13-3A16, Block D, Kelana Square, No. 17, Jalan SS7/26, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan No. Telefon: 03-7803 9996 No. Telefaks: -
2	Hartanah	Seperti dalam dokumen hakmilik – geran/ warta/ Surat kelulusan MMK No. H.S.(D): 184381, PT 56307 /
3	Projek	Nama projek yang akan dilaksanakan Cadangan laluan bagi tujuan pencawang elektrik di HSD 184381 PT 56307 Mukim Kampar Daerah Kampar, Perak Darul Ridzuan.
4	Kawasan Izinlalu	Keluasan izinlalu yang terlibat Contoh: 1334.7mp
5	Balasan	Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) Sahaja
6	Tarikh Akses	1 st Jun 2026
7	Butiran TNB bagi tujuan penyerahan Notis dalam Perjanjian ini	Nama: Saifull Bahri Bin Mierkan Alamat: Lot 2209, 2211, Jalan Timah, Taman Bandar Baru, 31907 Kampar, Perak No. Telefon: 05-465 1199 No. Telefaks: Perhatian: Saifull Bahri Bin Mierkan

JADUAL KEDUA
(KAWASAN IZINLALU)

UTARA

SKALA 1 : 750
PELAN KADASTER 739

TAJUK :
PELAN PAJAKAN TAPAK PENCAWANG ELEKTRIK SELUAS 175 METER PERSEGI DAN LALUAN IZIN LALU KABEL SELUAS 1334.7 METER PERSEGI DI ATAS SEBAGIAN LOT 411510 (PT 56307) JENIS & NO HAKMILIK HS(D) 184381 MUKIM KAMPAR DAERAH KAMPAR PERAK DARUL RIDZUAN



JADUAL PAJAKAN TAPAK PENCAWANG ELEKTRIK DAN IZIN LALU KABEL

BIL.	DAERAH	MUKIM	NO. HAKMILIK	NO. LOT	SYIT PIRAWAI	NO. PA	LUAS ASAL LOT TANPA (mp)	LUAS ASAL TAPAK PEJAN IZIN LALU	LUAS YANG DIPONON	LUAS BAKI TANPA/BAKI KULUSAN TAJAH	KATEGORI KELOMPOK TANPA	SYARAT NYATA	CATATAN
1.	KAMPAR	KAMPAR	HS(D)184381	411510	739	PA 182790	17237.0mp	105mp	44mp	17132.0mp	BANGUNAN	-	-
2.	KAMPAR	KAMPAR	HS(D)184381	411510	739	PA 182790	17237.0mp	44mp	26mp	17193.0mp	BANGUNAN	-	-
3.	KAMPAR	KAMPAR	HS(D)184381	411510	739	PA 182790	17237.0mp	26mp	15902.3mp	15902.3mp	BANGUNAN	-	-
4.	KAMPAR	KAMPAR	HS(D)184381	411510	739	PA 182790	17237.0mp	1334.7mp	1334.7mp	15902.3mp	BANGUNAN	-	-

NOTA :

- TAPAK PENCAWANG ELEKTRIK
- LALUAN IZIN LALU KABEL

1) Semua nilai adalah dalam ukuran meter.
2) Semua Bearing dan Jarak dan keluasan yang ditunjukkan di atas pelan ini adalah untuk semestara sahaja dan segala perubahan atau dilakukan bergantung kepada kerja ukuran muatamad.

T/T JURUKUR BERTALIAH :

SEGARIS UKUR KONSULTANT
 SEGARIS UKUR KONSULTANT SDN BHD
 (2018012716128178-9)
 No. 41-1, Lorong Hanan 5/2,
 Oakland Commerce Square,
 Cyberjaya, Selangor,
 Malaysia.
 T. 06-6012851 F. 06-6012488
 E. segaris2016@gmail.com
 Z-PSEC2103(T)TMB1.DWG

§BG/PRK/2103(T)/TMB1 Tarikh : 05/03/2026 Rev.0

LAMPIRAN A
(SALINAN HAKMILIK TANAH TERSEBUT)



DHKK



Kanun Tanah Negara

Borang 11Ae

(Jadual Keenam Belas)

**HAKMILIK SEMENTARA YANG
BERSAMAAN DENGAN HAKMILIK PEJABAT PENDAFTARAN**

No. H.S.(D) : 184381	Cukai Tahunan: RM34,130.00
----------------------	----------------------------

Negeri : PERAK
Daerah : KAMPAR
Mukim : Mukim Kampar
No. P.T. : PT 56307
Luas Sementara : 17237 Meter Persegi
Kategori Penggunaan Tanah : Bangunan
No. Lembaran Piawai : 739
No. Permintaan Ukur : 5/2023
No. Fail : PTG.PK.402/10-42(B) & PTG.PK.33/7-430(A)

Pajakan selama tempoh 99 tahun berakhir pada 19 Januari 2122

Didaftarkan 20 Januari 2023



Pendaftar

Dokumen hakmilik keluaran dikeluarkan 20 Januari 2023



Pendaftar

Pelan tanah, bagi maksud pengenalpastian, ialah di dalam Borang B2e.

SYARAT-SYARAT KHAS MENGENAI HAKMILIK SEMENTARA

- Hakmilik ini adalah tertakluk kepada peruntukan Kanun Tanah Negara dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan yang berikut:

ID Hakmilik : 081101HSD00184381
Tarikh : 15/02/2023
No. Versi : 2
Muka Surat : 1 [3]

PTGPK2243749

SYARAT-SYARAT NYATA

Perniagaan - Pembangunan Bercampur

SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN

i) Tanah ini hanya boleh dipindah milik atau dipajak dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Negeri.

ii) Tanah ini hanya boleh dipindahmilik atau dipajak dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan ini dikecualikan kepada kaum bumiputera bagi pindahmilik kedua dan seterusnya. (Sekatan ini cuma bagi plot-plot yang dikenakan kuota bumiputera).

2. Dalam pelan tanah dalam Borang B2e, sempadan-sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah, belum ditetapkan secara ukur, adalah sementara sahaja.

(Hendaklah dilengkapkan apabila hakmilik dikeluarkan bagi sambungan)

Tarikh mula-mula pemberimilikan : 03 Ogos 2012
No. hakmilik asal (tetap atau sementara) : -
No. hakmilik terakhir sebelum ini : -
(jika berlainan daripada di atas)

REKOD KETUANPUNYAAN

AGACIA LAND SDN. BHD., No. Syarikat : 825723-K, 1/1 Bahagian
SUITE D3A13-D3A16, LEVEL 3A, BLOCK D, KELANA SQUARE, NO 17, JALAN SS 7/26, 47301 PETALING JAYA,
SELANGOR

REKOD URUSAN

No. Perserahan 00SC6378/2023 Gadaian Menjamin Wang Pokok
oleh AGACIA LAND SDN. BHD., No. Syarikat : 825723-K, 1/1 bahagian
kepada MBSB BANK BERHAD, No. Syarikat : 825723-K,
LEVEL 25, MENARA MBSB BANK, PJ SENTRAL, LOT 12, PERSIARAN BARAT, SEKSYEN 52, 46200
PETALING JAYA, SELANGOR
didaftarkan pada 14 Februari 2023 jam 02:52:00 petang
No. Suratkuasa Wakil : 00SW142/2018

PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK

ID Hakmilik : 081101HSD00184381
Tarikh : 15/02/2023
No. Versi : 2
Muka Surat : 2 [3]



Jay Fauif

Pendaftar

ID Hakmilik : 081101HSD00184381
Tarikh : 15/02/2023
No. Versi : 2
Muka Surat : 3 [3]

PTGPK2243750




Kanun Tanah Negara
 Borang B2e
 (Jadual Keenam Belas)

PELAN TANAH
 (Hakmilik Sementara)

Saya mengesahkan bahawa pelan di bawah ini ialah salinan benar pelan tanah. Butiran hakmilik adalah seperti berikut :

Perihal dan No. Hakmilik : Hakmilik Sementara Daftar 184381
 Negeri : PERAK
 Daerah : KAMPAR
 Bandar/Pekan/Mukim : Mukim Kampar
 No. Lembaran Piawai : 739
 No. P.T. : PT 56307
 Luas Sementara : 17237 Meter Persegi

2. Dalam pelan di bawah ini, sempadan-sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah, belum ditetapkan secara ukur, adalah sementara sahaja.








Pelan yang ditunjukkan mungkin tidak mengikut skala sebenar.

Bertarikh 20 Januari 2023




Hulu
 Pendaftar

**LUKISAN TAPAK
(PELAN SKEMATIK)**



TAJUK :
PELAN PAJAKAN TAPAK PENCAWANG ELEKTRIK SELUAS 175 METER PERSEGI DAN LALUAN IZIN LALU KABEL SELUAS 1334.7 METER PERSEGI DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 411510 (PT 56307) JENIS & NO HAKMILIK HS(D) 184381 MUKIM KAMPAR DAERAH KAMPAR PERAK DARUL RIDZUAN



T/T JURUKUR BERTAULIAH :

NOTA :

- - TAPAK PENCAWANG ELEKTRIK
- ▨ - LALUAN IZIN LALU KABEL

1) Semua nilai adalah dalam ukuran meter.
2) Semua Bearing dan Jarak dan keluasan yang ditunjukkan dia atas pelan ini adalah untuk sementara sahaja dan sedikit perubahan akan dilakukan bergantung kepada kerja ukuran muktamad.

JADUAL PAJAKAN TAPAK PENCAWANG ELEKTRIK DAN IZIN LALU KABEL

BIL.	DAERAH	MUKIM	NO. HAKMILIK	NO. LOT	SYIT PIAWAI	NO. PA	LUAS ASAL LOT / KELUASAN TANAH (mp)	KELUASAN TAPAK PE DAN IZIN LALU	LUAS YANG AKAN DIPOHON	LUAS BAKI TANAH / BAGI KELUASAN TANAH	KATEGORI KEGUNAAN TANAH	SYARAT NYATA	CATATAN
1.	KAMPAR	KAMPAR	HS(D)184381	411510	739	PA 182790	17237.0mp	105mp	105mp	17132.0mp	BANGUNAN	-	-
2.	KAMPAR	KAMPAR	HS(D)184381	411510	739	PA 182790	17237.0mp	44mp	44mp	17193.0mp	BANGUNAN	-	-
3.	KAMPAR	KAMPAR	HS(D)184381	411510	739	PA 182790	17237.0mp	26mp	26mp	17211.0mp	BANGUNAN	-	-
4.	KAMPAR	KAMPAR	HS(D)184381	411510	739	PA 182790	17237.0mp	1334.7mp	1334.7mp	15902.3mp	BANGUNAN	-	-

SEGARIS UKUR KONSULTANT

SEGARIS UKUR KONSULTANT SDN BHD
[201801027710(1289736-W)]
No. 41-1, Lorong Haruan 5/2,
Oakland Commerce Square,
70300 Seremban, Negeri Sembilan.
T 06-6012551 F 06-6012488
E segaris2018@gmail.com

Z--PSEG2103(T)TNB1.DWG

SEG/PRK/2103(T)/TNB1 Tarikh : 05/03/2026 Rev.0

Peta Penandaan Lokasi



Gambar Lokasi





